

Sinkretisme Budaya dalam Kehidupan Baru Komuniti Mualaf

BITARAVolume 3, Issue 4, 2020: 147-157
© The Author(s) 2020
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>

[Cultural Syncretism in the New Life of the Mualaf Community]

Azarudin Awang¹ & Azman Che Mat²

Abstrak

Pertembungan norma-norma hidup dalam masyarakat melahirkan fenomena sinkretisme agama, pemikiran dan budaya. Sinkretisme budaya merupakan sesuatu yang lazim berlaku dalam kehidupan masyarakat di Alam Melayu. Dari perspektif hukum Islam, keharusan nilai-nilai sinkretisme boleh diaplikasikan dalam kehidupan seseorang Muslim dengan syarat ia perlulah dibatasi dengan nilai-nilai syariat. Mualaf merupakan kelompok yang cuba menyesuaikan semula kehidupan baru berdasarkan norma-norma yang diketengahkan oleh Islam. Dalam masa yang sama komuniti ini perlu melestarikan budaya asal agar tidak dianggap 'pengkhianat kepada bangsa'. Toleransi yang tinggi dan hubungan yang baik dengan komuniti Melayu menyebabkan berlakunya sinkretisme budaya dalam kehidupan baru komuniti Mualaf. Objektif kajian ini ialah melihat pola fenomena sinkretisme budaya yang berlaku dalam kehidupan baharu komuniti Mualaf. Kaedah temubual dan pengalaman turut serta dilakukan kepada sekumpulan Mualaf Cina yang telah memeluk agama Islam di negeri Terengganu. Hasil kajian menunjukkan sinkretisme budaya berlaku dalam kehidupan komuniti ini khususnya dalam aspek-aspek yang berkaitan dengan adat budaya Melayu. Selain itu, pelaksanaan nilai-nilai budaya asal bercampur baur dengan unsur-unsur Islam. Kajian ini dilihat penting kerana tidak semua sinkretisme membawa kepada pembentukan budaya yang negatif. Dalam masa yang sama, proses penukaran agama tidaklah menyebabkan segala bentuk budaya asal akan terhapus sepenuhnya.

Kata kunci:

Sinkretisme, Budaya, Melayu, Mualaf, Adat.

Abstract

The norms clash of life in society creates the phenomenon of syncretism in religious, thought and cultural. Cultural synchritism is very common among community in the Malay world. From the perspective of Islamic law, the necessity of syncretism values can be applied in the life of a Muslim on condition should be limited by Shari'a. The Mualaf is a group that attempts to re-adjust the new life based on the norms set forth by Islam. At the same time this community needs to preserve the original culture so they are not considered 'traitor to the nation'. High tolerance and good relationship with the Malay community reveal to the occurrence of cultural syncretism in the new life of the Mualaf community. The objective of this study is to look the phenomenon of cultural sinkrestism that takes place in the new life of the Mualaf community. Thi study uses interviews and participate activities in a group of Chinese Mualaf who had embraced Islam in the state of Terengganu. The findings show that cultural syncretism occurs in the life of this community especially in aspects related to Malay customs and the implementation of the cultural values of the original mixed with Islamic elements. This study is seen as important because not all syncretism leads to the formation of a negative culture.

¹ Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Terengganu, Kampus Dungun 23000, Terengganu

² Akademi Pengajian Bahasa UiTM Terengganu, Kampus Dungun 23000, Terengganu

Corresponding Author:

AZARUDIN AWANG, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Terengganu, Kampus Dungun 23000, Terengganu
E-mail: azaru154@uitm.edu.my

At the same time, the process of conversion of religion does not cause any form of original culture to be completely abolished.

Keywords:

Syncretism, Culture, Malay, Mualaf, Custom.

Cite This Article:

Azarudin Awang & Azman Che Mat. 2020. Sinkretisme budaya dalam kehidupan baru komuniti mualaf. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 3(4): 147-157.

Pengenalan

Malaysia merupakan sebuah negara multietnik yang melahirkan perbezaan dalam anutan kepercayaan dan budaya. Interaksi antara masyarakat yang pelbagai budaya sejak beratus tahun lamanya telah melahirkan sinkretisme budaya. Dalam kalangan masyarakat Islam sendiri, kadang-kala sinkretisme budaya mencetuskan polemik apabila nilai-nilai yang dibawa tidak selari dengan syariat agama Islam. Fenomena ini turut berlaku dalam komuniti mualaf iaitu kelompok yang melakukan pemeluk agama Islam. Sebagai contoh kajian yang dilakukan oleh Jamilah dan Engku Ahmad Zaki (2017) mendapati dalam kalangan mualaf masih lagi bercampur baur atau melakukan sinkretisme amalan tradisi warisan nenek moyang walhal mereka telah Islam. Keadaan ini selanjutnya menimbulkan pelbagai bentuk salah faham dalam kalangan masyarakat Muslim dengan tuduhan ‘Muslim kelas kedua’ dan sekaligus mempengaruhi interaksi dan integrasi antara Muslim asal dan komuniti mualaf (Khadijah et al. 2017). Justeru kajian ini melihat fenomena sinkretisme budaya asal dengan budaya Melayu dan bagaimanakah nilai-nilai tersebut diaplikasikan dalam kehidupan mereka sebagai Muslim baharu.

Konsep Sinkretisme

Sinkretisme berasal daripada perkataan Greek iaitu synkretismos dan dalam bahasa Inggeris disebut sebagai ‘syncretism’ yang bermaksud menggabungkan, menyatukan dan menyambungkan (*Dictionary of Philosophy and Religion*, 1980). Berdasarkan *Oxford Ditionary* (2001), sinkretisme dijelaskan sebagai satu bentuk amalgamasi budaya atau percampuran budaya. Manakala *The New Encyclopaedia Britannica* (1976) menjelaskan sinkretisme sebagai percampuran amalan agama daripada kepercayaan yang pelbagai. Dalam *Lisan al-Arab* (1990), sinkretisme diterjemahkan sebagai *talf qiyyah* (kata terbitan daripada *talf-q*) berasal kata umbi *laffaqa* (لَفَّق) yang bermaksud menghiaskan atau mengait antara dua tepi kain. Dalam *Al-Mawrid: Qāmūs ‘Arabi-Inklīzī* menjelaskan (لَفَّق) sebagai ‘to seam, sew, stitch, to whip, whipstitch’ bermaksud menjahit dan cambuk (Baalabaki 1995). Berdasarkan dari sudut bahasa dapat dijelaskan bahawa sinkretisme merupakan proses mendekatkan antara dua hujung objek yang berbeza atau menyatukan praktis amalan yang berlaku dalam dua kelompok masyarakat yang berbeza agama, budaya atau pemikiran.

Huraian perspektif terhadap sinkretisme mungkin sahaja dapat diperhatikan dalam suasana yang berbeza. Perbahasan terminologi sinkretisme kerap kali menimbulkan polemik dalam kalangan sarjana ilmu kebudayaan memandangkan istilah ini menggambarkan makna yang negatif. Gehman (2001) dengan tegasnya menyatakan sinkretisme merupakan satu bentuk usaha untuk menyatukan unsur-unsur bertentangan yang menimbulkan konflik. Manakala Fridlund dan Vähäkangas (2017) memberi definisi sinkretisme sebagai satu proses melenyapkan pelbagai konflik dalam falsafah atau pemikiran dengan menjalinkan perbezaan tersebut. Darori Amin (2000) melihat sinkretisme sebagai satu kepercayaan yang menghasilkan pemujaan dan menimbulkan rasa ‘bimbang’ atau ‘takjub’; dan akhirnya menjadi taboo kepada masyarakat. Shamsul & Azizul (2017) menyatakan sinkretisme bukanlah satu bentuk ‘pemikiran’ yang membawa ideologi yang baru tentang aspek-aspek tertentu, tetapi ia merujuk kepada percampuran beberapa perkara yang menyentuh falsafah, pemikiran atau agama. Matlamat sinkretisme ialah mengelakkan konflik dalam pertembungan antara tradisi lama dan baru. Bagi masyarakat Kristian, sinkretisme dijadikan satu pendekatan untuk menyatukan aliran-aliran yang terdapat dalam agama tersebut (Levinskaya 1993). Kajian-kajian yang dilakukan oleh sarjana-sarjana Barat misalnya Cross (1977) menyatakan sinkretisme merupakan satu usaha persepaduan ajaran yang bertentangan khususnya dalam aspek agama dan pemikiran manusia. Manakala Mullins (2001) memahami konsep sinkretisme sebagai satu usaha untuk menggabungkan nilai atau ideologi yang ada dalam agama-agama.

Dalam kehidupan masyarakat Melayu, Shamsul & Azizul (2017) menyenaraikan unsur-unsur sinkretisme yang dikesani dalam kehidupan masyarakat Melayu lazimnya dalam upacara jampi serapah, kepercayaan karut, keramat dan sebagainya. Ros Aiza (2015) menyatakan sinkretisme sebagai “proses percampuran elemen Islam dan pra-Islam yang masih bercanggah dengan prinsip Tauhid dalam adat dan budaya agama yang diwarisi secara turun temurun dalam masyarakat”. Shamsul et al. (2018) mendapati bahawa bagi mualaf, agama diterima baik dalam aspek yang berkait kehidupan manusia, namun tidak bermakna kepercayaan tradisi ditinggalkan terus. Justeru, keadaan ini sedikit sebanyak menimbulkan banyak kekeliruan dalam memahami ajaran Islam yang sebenar.

Sinkretisme dari Perspektif Islam

Catherine (2001) melihat fenomena sinkretisme bukan hanya berlaku antara agama dengan agama malah turut berlaku antara agama dengan budaya atau falsafah atau aliran kepercayaan. Matlamat sinkretisme sebenarnya ialah mencari titik keserasian dalam aspek-aspek yang berbeza dalam aspek yang dinyatakan di atas. Sinkretisme yang berlaku antara agama melihat agama secara relatifnya adalah sama. Ini bermakna setiap pengamal agama tidak boleh menganggap agamanya sahaja secara mutlak adalah benar. Ini adalah kerana, setiap pengamal agama berkongsi sebahagian kebenaran (*partial truth*) dan bukan hanya kebenaran yang bersifat sempurna (*whole truth*) (Anis 2012).

A. Hanafi (2000) menggunakan istilah ‘sinkretisme’ bagi menjelaskan usaha mengharmonikan agama dan falsafah yang dilakukan ahli filosof Islam seperti Ibnu Sina, al-Farabi dan Ibnu Rush tentang sesuatu isu. Al-Zuhayl membahagikan sinkretisme kepada 2 bahagian iaitu sinkretisme yang berlaku dalam akidah dan sinkretisme dengan memilih hukum

dan mengikut *rukshah* (keringanan). Dalam perihal ini ulama Islam bersepakat bahawa sinkretisme dalam urusan aqidah Islam tidak akan berlaku sama sekali mengambil kira taklid tidak dibenarkan dalam urusan akidah. Dengan demikian, sinkretisme juga turut tidak dibenarkan dalam perkara-perkara yang menyentuh akidah. Manakala ulama berbeza pandangan keharusan sinkretisme yang berlaku dalam masalah hukum mengambil kira wujud ruang-ruang untuk mengguna pakai ijthad dan taklid dalam pengamalannya.

Perspektif al-Quran terhadap sinkretisme boleh dilihat melalui firman Allah dalam surah al-Kafirun ayat 1-6. Ibnu Taimiyah (2011) dalam tafsirnya menjelaskan sebab tentang penurunan ayat ini apabila pemimpin-pemimpin Musyrik Arab mengambil pendekatan untuk bertoleransi dengan Rasulullah saw berkongsi melaksanakan amalan agama. Lalu mereka menawarkan untuk bersama-sama dalam pelaksanaan urusan kehidupan harian termasuk dalam soal peribadatan. Allah telah menurunkan ayat ini mengarahkan Rasulullah menolak usul yang dikemukakan para pemimpin Musyrik Arab. Dalam perihal ini, Ibn Kathir (2000) menyatakan sinkretisme yang berkait tauhid dan syirik sama sekali tidak boleh dicampur-adukkan dalam amalan beragama. Mengupas lebih lanjut, al-Qurtubi (2006) menyatakan bahawa agama Islam tidak dapat diperdamaikan atau dipersatukan dengan agama lain. Dalam erti kata yang lain, bagi beliau, cukuplah agama Islam bagi orang Islam, manakala agama orang kafir adalah untuk mereka sahaja. Ini adalah kerana wujudnya dinding pemisah antara keduanya dan dalam masa yang sama, jurang perbezaan juga amat dalam di antara keduanya. HAMKA (1970) berpandangan sinkretisme agama dengan agama merupakan 'raja toleransi' dan menjadi ancaman kepada Islam (Shamsul 2017). Berdasarkan huraian di atas dapat dikatakan bahawa perbincangan sinkretisme dari perspektif kebudayaan bersifat neutral manakala sekiranya dilihat dari aspek pertembungan antara agama dengan agama atau falsafah, ia dilihat sebagai mencemarkan keaslian agama.

Dalam konteks kehidupan Muslim baru (Mualaf) sinkretisme yang berlaku dalam masyarakat tersebut merupakan satu proses Islamisasi terhadap amalan kehidupan barunya. (Shamsul 2017). Dari perspektif Islam, segala unsur pembauran dan percampuran dalam agama lebih dikenali dengan istilah bidaah, khurafat, syirik dan sebagainya. Justeru, penerimaan sinkretisme dalam budaya perlulah didasari dengan tuntutan syariat agama dan hujah ilmu yang konkrit agar tidak berlaku sebarang konflik antara agama dan budaya.

Sinkretisme Budaya

Ros Aiza dan Che Zarina (2016) menyatakan terminologi sinkretisme turut diguna pakai bagi membincangkan fenomena percampuran pelbagai identiti dalam budaya masyarakat Islam di Alam Melayu. Proses sinkretisme terjadi hasil daripada proses akulturasi iaitu penerimaan, penyesuaian dan juga reaksi. Menurut Andrew (1999) sinkretisme bukanlah satu fenomena yang bertujuan menghancurkan sesuatu agama, namun ia merupakan tahap menuju akulturasi dan integrasi kultural yang ideal. Hal ini bermakna, berlakunya fenomena sinkretisme budaya apabila wujudnya proses menggabungkan, mengkombinasikan unsur-unsur budaya yang asli dengan unsur-unsur budaya yang asing (Mohd Hanif 2006). Rick Brown (2006) menyatakan bahawa sebagaimana sinkretisme agama, sinkretisme budaya juga wujud disebabkan berlakunya percampuran dan pembauran antara budaya yang berbeza.

Terdapat beberapa kajian yang lepas memfokuskan kepada sinkretisme budaya contohnya Kajian yang dilakukan oleh Suraya Sintang (2003) dalam meneliti fenomena sinkretisme yang berlaku dalam masyarakat Bugis di daerah Tawau Sabah. Hasil kajian beliau mendapati bahawa sinkretisme yang berlaku dalam masyarakat Bugis tidaklah sampai ke tahap lahirnya pegangan agama baru, ajaran Islam tetap menjadi panduan hidup cuma dalam penyelenggaraan sesuatu adat, terdapat unsur-unsur pra Islam yang dipercayai berperanan mempengaruhi sistem sosial masyarakat Bugis. Antara contoh adat dalam masyarakat Bugis yang jelas ketara berlakunya sinkretisme ialah naik rumah baru, kelahiran, perkahwinan dan kematian yang mana adat-adat tersebut merupakan saki baki daripada kepercayaan masyarakat Bugis sebelum ini iaitu Hindu-Buddha.

Selanjutnya, kajian yang dilakukan oleh Mohamad Maulana dan Othman (2012) tentang sinkretisme agama dengan budaya yang berlaku dalam kehidupan masyarakat Kedayan. Beliau mendapati masyarakat Kedayan merupakan masyarakat yang masih mengamalkan beberapa ritual tertentu yang digabung jalin dengan ajaran Islam supaya tidak kelihatan konflik. Ini terbukti dalam amalan yang masih popular dalam kalangan masyarakat Kedayan iaitu amalan 'makan tahun'. Dalam upacara ini terdapat kebersamaan antara proses pemujaan atau penyucian yang dilakukan oleh golongan bomoh dan proses penyucian yang dilakukan.

Hal yang sama juga berlaku dalam masyarakat Kedayan di daerah Sipitang Sabah seperti yang dikaji oleh Ros Aiza Mohd Mokhtar (2015). Menurut beliau, masyarakat Kedayan di Sipitang Sabah masih berpegang teguh dengan kepercayaan tradisi walaupun sudah lama menganut agama Islam. Dalam kepercayaan tradisi tersebut, berlaku fenomena sinkretisme antara kepercayaan pra-Islam masyarakat Kedayan dengan ajaran Islam. Hal ini dapat dilihat terutamanya empat perkara yang beliau fokuskan iaitu pada konsep kepercayaan manusia, adat mandi langsir, mantera dan petua serta dalam adat kematian masyarakat Kedayan. Pada amalan-amalan tersebut, hakikatnya ia masih menerima pengaruh animisme dan cuba disesuaikan dengan ajaran Islam agar tidak berlaku konflik antara keduanya.

Berdasarkan kenyataan di atas, dapat dijelaskan bahawa sinkretisme budaya merupakan proses negosiasi yang berlaku antara dua kelompok masyarakat. Dalam perihal ini Abid Rahman (2016) melihat, sinkretisme merupakan satu bentuk akulturasi pada tahap yang paling tinggi. Mengenai perihal ini Ros Aiza dan Che Zarrina (2016) mengambil komentar dari Prof Dr Siddiq Fadhil dengan menyatakan "apabila berlakunya pertembungan Islam dengan budaya peribumi seperti adat pepatih dalam isu Pusaka Tinggi, Islam tidak terus membanteranya, tetapi tidak pula terus menerimanya. Sebaliknya, adat peribumi diubahsuai agar tidak menyalahi ajaran Islam dan diberi kesempatan untuk terus hidup selama ia diperlukan oleh pengamalnya".

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui temu bual ke atas mualaf Cina yang memeluk Islam di negeri Terengganu. Data-data juga diperolehi melalui pengalaman turut serta dalam aktiviti bersama dengan komuniti tersebut. Melalui teknik pensampelan bertujuan, penyelidik memperolehi data-data yang dikehendaki kerana ia merujuk kepada satu kelompok yang mempunyai ciri yang sama. Temu bual dilakukan ke atas 20 mualaf Cina dengan justifikasi

pemilihan dilakukan dengan mengenal pasti kelompok ini terlibat dalam kelas-kelas yang dianjurkan oleh pihak MAIDAM (Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu). Selanjutnya bagi menjaga kerahsiaan, kod resp#1 hingga resp#20 digunakan sebagai ganti nama sebenar responden dan kaedah ini turut digunakan oleh Nurulhuda dan Ramlee (2009). Jumlah responden adalah seramai 20 orang, mengambil kira maklumat yang diperolehi telah mencapai tahap tepu (*saturation*) pada bilangan tersebut. Temu bual dengan cara berfokus dengan separa berstruktur dilakukan supaya wujud situasi perkongsian pengalaman antara responden dan penyelidik. Tema soalan dibina dan dijadikan panduan ketika proses temu bual dilakukan. Kajian rintis ke atas 5 orang Saudara Baru Cina dilakukan bermula Februari 2014 hingga Mac 2014. Temu bual sebenar dilakukan bermula 9 Oktober 2014-15 Disember 2014 dan lokasi temu bual ditentukan sendiri oleh peserta kajian. Sebelum itu penulis telah meminta surat kebenaran daripada pihak Jabatan Agama Islam negeri Terengganu untuk melaksanakan sesi temu bual tersebut.

Hasil Dapatan dan Perbincangan

Menurut Faisal (1997), hubungan yang terjalin antara masyarakat Islam dengan sesuatu budaya dalam masyarakat akan melahirkan sama ada konflik, persaingan atau kerjasama. Namun begitu, pertembungan ajaran Islam dan adat budaya Cina menampakkan berlakunya kerjasama sehingga melahirkan fenomena sinkritisme budaya. Secara tradisinya, asal usul amalan tradisi kepercayaan komuniti Cina di Terengganu merupakan hasil budaya dan agama yang dibawa oleh nenek moyang mereka dari Tanah Besar Cina. Hubungan dengan rencam dengan masyarakat Melayu Muslim menyebabkan berlakunya proses sinkretisme budaya secara perlahan-lahan dan dalam masa yang sama memperlihatkan mereka mudah menerima budaya Melayu dengan rela tanpa di paksa. Hal ini disebabkan sinkretisme budaya Melayu yang berlaku dalam kalangan komuniti Cina Muslim pasca pemelukan Islam di negeri Terengganu pada praktiknya merupakan kesan proses perkongsian budaya Melayu dan amalan agama Islam berakar umbi sekian lama. Apatah lagi perkahwinan campur mendedahkan masyarakat Cina terhadap budaya kehidupan masyarakat Melayu Muslim pada segenapnya. Melalui dapatan temu bual, elemen-elemen sinkretisme boleh diperincikan dalam aspek-aspek berikut:-

Sinkretisme dalam Isu yang Menyentuh Adat

Sinkretisme dalam adat resam masyarakat Cina yang terangkum dalam rutin kehidupan seperti makan-minum, pakaian dan perkahwinan. Komuniti Cina Muslim cuba menyelami budaya dan adat resam Melayu Muslim dengan lebih mendalam melalui penglibatan bersama dalam adat tradisi masyarakat Melayu. Dalam kalangan, responden berhadapan rasa tidak selesa kerana pengalaman tersebut belum pernah dialami oleh dirinya. Ini sebagaimana dijelaskan sebagaimana berikut:

“*First* [saya bawak sirih], takut patah, lepas tu masa hantar, dia kata sapa yang bawak sirih masuk dulula, hah (terkejut) malulah, tak pernah saya buat. Waktu

saya pegang, langsung saya tak tau ..sebab saya tak pernah, *first time*, masuk lah rumah, malu ramainya orang tapi sekarang ok lah”(Resp # 15(Foochow)

Biarpun dilahirkan dan dibesarkan dalam tradisi yang berbeza, adat Melayu dalam perkahwinan ini diimplementasikan dalam keluarga. Menurut En. Sufri (2014) dalam kes perkahwinan campur, terdapat dalam kalangan komuniti Cina menggunakan adat perkahwinan Cina dan Melayu seperti mengenakan pakaian berwarna merah, diiringi tarian singa dan sebagainya. Dalam penggunaan adat tradisi Melayu, komuniti Cina Muslim kebiasaannya dibantu oleh keluarga dari sebelah pihak bangsa Melayu bagi mendapat khidmat nasihat. Perihal ini dijelaskan sebagaimana berikut:

Anak-anak saya bila nak kahwin ..saya guna juga adat orang Melayu.. Saya banyak belajar dari ipar saya (bangsa Melayu) dari situlah.. antaranya adab merisik, meminang dan bersanding (Resp # 7(Hokien) .

Islam merupakan agama yang bersifat universal dan meraikan *urf* sesuatu yang ada pada sesebuah bangsa dengan syarat ia mestilah tidak bertentangan dengan agama. Justeru, adat-adat yang bertentangan nilai Islam perlulah diketepikan atau dilakukan proses islamisasi agar ia selari dengan kehendak syarak.

Sinkretisme dalam Gotong Royong

Aktiviti gotong royong merupakan sebahagian daripada cara hidup yang menjadi adat resam dan tunjang masyarakat Melayu Muslim. Lazimnya, beberapa hari sebelum bermulanya sesuatu upacara atau majlis yang berlangsung dalam kehidupan masyarakat Melayu, gotong royong dilakukan. Proses ini biasanya melibatkan ahli keluarga, jiran dan rakan yang akrab. Antara amalan gotong royong yang dilakukan ialah bekerjasama menyediakan makanan ketika kenduri, persiapan sambutan hari kebesaran agama Islam di masjid atau di surau; dan menguruskan kematian. Setiap anggota yang terlibat bersama-sama bergotong royong menyediakan khemah, membersihkan kawasan dan melakukan aktiviti memasak sehinggalah proses ini selesai. Dalam proses pelaksanaan gotong royong ini, elemen-elemen budaya asal dibawa bersama. Sinkritisme budaya diserlahkan apabila petua atau stail masakan Cina diadakan bersama dalam pelaksanaan gotong royong ini. Berikut merupakan pengalaman penglibatan gotong-royong dengan masyarakat Melayu Muslim setempat yang dipaparkan oleh masyarakat Cina Muslim. Antaranya:

“[Gotong royong ia akan panggil minta tolong kupas bawang, Tanya saya macam mana nak bersihkan ayam, nak lembutkan ayam kita pun bagi tahu petua mengikut Orang Cina buat].. dia orang dah boleh terima apa yang saya masak, dia orang boleh makan..” (Resp # 06 Hokkien).

“Kalau rumah yang kita kenal tu, jiran kita pergilah.. [kita tolong potong bawang, siang ayam, apa yang perlu kita buatlah, kita masak ayam halia, ayam masak kicap. Dia orang boleh terima]” (Resp # 11 Hokkien).

Sinkritisme yang ditonjolkan dalam aktiviti gotong royong ini mewujudkan landskap masyarakat yang mengamalkan semangat toleransi yang unggul antara umat yang berbeza budaya. Selain daripada itu, ianya menjadi alat memupuk perpaduan masyarakat sama ada di desa ataupun di bandar. Ternyata melalui pelaksanaan jalinan dialog kehidupan seperti aktiviti gotong-royong ini, setiap ahli berkongsi bersama-sama merasai kepayahan dalam menguruskan sesuatu perkara.

Sinkretisme Masakan Melayu dalam Hidangan

Masakan seperti budu dan ikan singgang merupakan makanan yang biasanya menjadi rutin bagi masyarakat Melayu tradisional. Biasanya masyarakat Melayu mengenakan makanan ini disertai dengan ulam-ulaman. Tradisinya masyarakat Melayu makan lauk-pauk di atas dengan menggunakan tangan. Agak berbeza dengan komuniti Cina, kebanyakan dari mereka menggunakan *chopstick* dan makan makanan yang berasaskan mee atau sup. Sinkretisme dalam proses menyediakan hidangan ini boleh dilihat melalui pengalaman berikut:

“Apabila saya bercampur gaul dengan orang Melayu, kita orang Cina Peranakan [makan pun macam orang Melayu guna tangan..kadang-kadang pakai sudu, *chopstick* ni jarang sangat]” (Resp # 07 Hokkien)

“Bila saya masak, dari segi makanan... saya campur ada masakan ayam stim, sup kadang ada juga budu sahaja..lagi berselera, tak perlu lauk yang lain. Dulu ... ayah pernah buat budu sendiri, lepas itu dia bagi-bagi kepada kawan-kawan Melayu dia” (Resp # 12 Hokkien).

Bahkan kesan hubungan yang lama dengan rakan yang berbeza bangsa, responden juga menyediakan makanan yang lazimnya dihidang oleh masyarakat Melayu ketika menyambut Tahun Baru Cina. Ini dijelaskan sebagaimana berikut:

Bila saya sambut *Chinese New Year*.. saya buat nasi minyak, nasi dagang & satay...kita makan nasi dengan tangan ...sambut dengan kawan-kawan, saudara banyak lagi Cina” (Resp # 03 Hokkien).

Sambutan Hari Raya Puasa dan Hari Raya Korban merupakan dua perayaan besar yang disambut oleh masyarakat Muslim. Ketika meraikan sambutan hari raya Korban, komuniti Cina bersama-sama menyediakan makanan menu Cina. Dapatan juga menunjukkan kelompok Cina Muslim juga menyediakan makanan tradisi masyarakat Melayu dan hidangan yang lazimnya dari masakan Cina. Ini dijelaskan sebagaimana berikut:

“saya duduk lama dengan orang Melayu, [gotong royong dengan orang Melayu saya selalu sokmo] doh macam hari kenduri Hari raya ni maknanya kita pun buat kerjasama .. biasanya dalam keluarga saya lah yang masak nasi minyak dan nasi ayam, mee sup saya masak. Kalau saya buat kenduri kahwin anak saya, keluarga asal saya semua mari” (Resp # 10 Hokkien).

Adat Berpantang Ketika Bersalin

Masyarakat penganut Cina Muslim, sinkretisme juga dikesani dalam pelaksanaan adat ketika berpantang. Dalam kehidupan masyarakat Melayu adat kelahiran yang diamalkan ialah adat melenggang perut, adat berbidan, adat menanam tembuni, adat berpantang, mengazan dan iqamat dan memberi nama. Adat ini diguna pakai bagi mengelakkan sebarang kepayahan yang akan berlaku kepada si ibu. Peranan ahli keluarga dari bangsa Melayu banyak mendorong Saudara Baru perempuan terlibat dalam adat-adat yang berkaitan sebelum dan selepas kelahiran bayi. Ini dijelaskan sebagaimana berikut:

“Bila saya bersalin, saya tinggal di rumah mertua Melayu..saya banyak mengikuti adat-adat yang diamalkan oleh orang Melayu, dari segi berpantang selama 40 hari, cari bidan kampung, tanam tembuni dan sebagainya. Bila lahirkan anak yang ketiga saya dah tahu adat-adat ni macam ni, macam ni (Resp # 04 Kantonis).

Dalam kes yang lain, ketika responden melahirkan anak (Melayu), ibu mertuanya dari bangsa Cina mengadunkan tempoh berpantang dengan tradisi yang diamalkan oleh orang Cina. Ini dijelaskan sebagaimana berikut:

‘bila isteri saya beranak, dia mari sini tolong cara (uruskan) isteri saya, masak ayam kukus halia bagi kat isteri saya (Resp # 02 Hokkien).

Pengamalan adat dan nilai-nilai Islam dalam pengamalan budaya masyarakat Melayu yang sukar dibezakan menyebabkan penerimaan adat tersebut diterima dengan baik oleh komuniti Muallaf biarpun proses sinkretisme ini dilihat memberi impak yang negatif terhadap ketulenan sesuatu budaya.

Kesimpulan

Beberapa perkara yang menjadi faktor yang mendorong berlakunya sinkretisme budaya dalam kalangan komuniti Cina Muslim di negeri Terengganu. Antaranya ialah hubungan Cina dan Melayu yang telah berlaku sekian lama, pengaruh persekitaran baru dan amalan budaya Melayu yang telah diresapi oleh syariat Islam memudahkan berlakunya sinkretisme. Namun begitu, nilai-nilai Islam masih dijadikan *core value* dalam mendepani kehidupan harian, cuma dalam pelaksanaannya terdapat amalan dari budaya asal yang mempengaruhi kehidupannya.

Sinkretisme masyarakat Cina Muslim terhadap budaya masyarakat Melayu Terengganu bukanlah berlaku secara melulu. Nilai-nilai yang kelihatan tidak memberatkan dan mendatangkan faedah secara bersama diterima dalam rutin kehidupan mereka. Mengambil kira adat dan budaya Melayu banyak dipengaruhi norma-norma Islam sendiri, sekali gus *world view* komuniti Cina Muslim diubah melalui praktis budaya yang ada dalam masyarakat Melayu sendiri.

Penghargaan

Pengkaji ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada 600-IRMI/FRGS/ 5/3 (473/2019) di bawah Universiti Teknologi Mara dan Kementerian Pengajian Tinggi (FRGS/1/2019/SSOB/UITM/02/10) kerana menyediakan dana bagi penyelidikan yang dijalankan.

Rujukan

- A. Hanafi. t.th. *Pengantar Teologi Islam*. Jakarta: Pustaka Al-Husna.
- Al-Qurtubi, Abu 'Abd Allah Muhammad bin Ahmad b. Abi Bakr. 2006. *al-Jami' al-Ahkam al-Qur'an*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Al-Zuhayli, Wahbah. 1986. *Usul al-Fiqh al-Islami*, juz ke-2. Damsyiq: Dar al-Fikr.
- Anis Malik Thoha. 2012. Meneliti Doktrin dan Ciri-ciri Fahaman Pluralisme Agama, dalam *Pluralisme Agama Satu Gerakan Iblis Memurtaddkan Ummah*, 61-80. Kuala Lumpur: Muafakat.
- Ba'alabaki, Ruhi. 1995. *Al-Mawrid: Qamūs 'Arabi-Inklīzī*. Beirut: Dār al-Malāyīn.
- Catherine Soaners, ed. 2001. *Oxford Dictionary, Thesaurus and Wordpower Guide*. New York: Oxford University Press Inc.
- Cross, F.L. 1997. *The Oxford Dictionary of the Christian Church*. New York: Oxford Press.
- Darori Amin. 2000. *Islam dan Kebudayaan Jawa*. Yogyakarta: Gama Media.
- Dictionary of Philosophy and Religion*. 1980. New Jersey: Humanities Press.
- Fridlund, P., & Vähäkangas, M. (Eds.). (2017). *Theological and Philosophical Responses to Syncretism: Beyond the Mirage of Pure Religion* (Vol. 7). Brill.
- Gehman, R. 2001. *African Traditional Religion in the Light of the Bible*. Kaduna: Baraka.
- Hamka. 1970. *Beberapa Tantangan Terhadap Ummat Islam di Masa Kini (Secularisme, Syncretisme dan Ma'siat)*. Jakarta: Penerbit Bulan Bintang.
- Ibn Kathir, Ab al-Fida' Isma'il . 2000. *Al-Tafsir al-Qu'an al-'Azim* . Jilid ke-14. Kaherah: Maktabah Awl Al-Shaykh li al-Turath.
- Ibn Manzur, Muhammad ibn Mukram. 1990. *Lisan al-'Arab*. Beirut: Dar al-Sadir.
- Ibn Taymiyyah. Shaykh al-Islam Ahmad Ibn 'Abd al-Halim ibn 'Abd al-Salam. 2011. *Tafsir Shaykh al-Islam Ibn Taymiyyah*. Bayrut: Dar Ibn Jawzi.
- Levinskaya, I. A.. 1993. Syncretism, The Term and Phenomenon, *Tyndale Bulletin* 44, vol. 1. mukasurat
- Jamilah Mohd Zain & Engku Ahmad Zaki Engku Alwi . (2017). Aktiviti Dakwah Jakim Terhadap Masyarakat Orang Asli: Pelaksanaan Dan Cabarannya. *Malaysian Journal For Islamic Studies*, 1(1), 45-61.
- Khadijah Mohd Khambali, Azarudin Awang, Suraya Sintang, Nur Farhana Abdul Rahman, Wan Adli Wan Ramli, and Khairul Nizam Mat Karim. 2017. Muhajir Penjana Interaksi dan Toleransi Beragama Saudara Baru-Muslim-Non-Muslim. *Akademika* 87(2), 68-76.
- Marinsah, S. A., & Ramli, M. A. 2017. Sinkretisme dalam Adat Masyarakat Bajau di Sabah. *International Journal of Islamic Thought*, 12, 83-93.

- Mohamad Maulana Magiman & Othman Yatim. 2012. Simbol dalam Makan Tahun Masyarakat Kadayan Sarawak. *Jurnal Melayu*,9: 259-287.
- Mohd Sufri Jaafar. Pegawai Eksekutif PERKIM negeri Terengganu. Dalam temu bual dengan penulis pada 12 April 2014 (10.30 pagi) di pejabat PERKIM Terengganu, Jalan Bukit Kecil, Kuala Terengganu.
- Mokhtar, R. A. M., & Sa'ari, C. Z. 2016. Sinkretisme dalam Adat Tradisi Masyarakat Islam. *Jurnal Usuluddin*, 43, 69-90.
- Muhammad Hanif. 2006. Dakwah Islam Kultural: Studi atas Apresiasi Kiai Masrur Ahmad MZ (lahir 1963) terhadap Seni Jathilan di Kelurahan Wukirsari, Cangkringan, Sleman, Yogyakarta (tesis kedoktoran, Universitas Gadjah Mada).
- Mullins, Mark R., "Syncretistic Movements" in *Dictionary of Asian Christianity*, ed. Scott W. Sunquist (Grand Rapids, MI: William B. Eerdmans), 809–810.
- Nurulhuda Che Abdullah, & Ramlee Mustapha. "Kajian Kes Usahawan Tani Industri Kecil Sederhana (IKS) Bumiputera di Negeri Terengganu)". *Jurnal Pendidikan Malaysia* 34(2), (2009). 143 – 165.
- Rick Brown. 2006. Contextualization Without Syncretism. *International Journal of Frontier Missions* 23(3), 127-133.
- Rohmanu, A. 2016. Acculturation of Javanese And Malay Islam in Wedding Tradition of Javanese Ethnic Community at Selangor, Malaysia. *KARSA: Journal of Social and Islamic Culture*, 24(1), 52-66.
- Ros Aiza & Che Zarrina. 2015. Konsep Sinkretisme Menurut Perspektif Islam. *Afkar Jurnal Akidah dan Pemikiran Islam* 17, 51-78
- Suraya Sintang. 2003. Fenomena Sinkretisme-Islam Dalam Adat Resam Masyarakat Bugis: Kajian Kes Daerah Tawau, Sabah, (*Seminar Zaba Mengenai Alam Melayu 1, Nilai-Nilai Peradaban Melayu*, 12-14).
- Syamsul Azizul Marinsah & Mohd Anuar Ramli. 2017. Sinkretisme dalam Adat Masyarakat Bajau di Sabah. *International Journal of Islamic Thought*.12, 83-93
- Syamsul Azizul, M. 2017. Unsur Sinkretisme Dalam Uruf Dan Adat Masyarakat Bajau Di Sabah: Analisis Dari Perspektif Hukum Islam. Doctoral dissertation, University of Malaya).
- Tan Chee Beng. 2002. *Chinese Minority in A Malay State. The Case of Terengganu in Malaysia*. Singapore: Eastern Universities Press.
- The New Encyclopaedia Britannica*. 1976. Chicago: Encyclopaedia Britannica Inc.
- Syamsul Azizul Marinsah Mohd Anuar Ramli Khairul Azhar Meerangani. 2018. Aplikasi Manhaj Wasatiyyah Terhadap Fenomena Sinkretisme Dalam Adat Masyarakat Bajau di Daerah Semporna Sabah. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*. 16, 33-47.